

## LAPORAN AKTIVITI UNIT PENGANTARABANGSAAN PMK TAHUN 2016

### MAKLUMAT ASAS

Tajuk Aktiviti	ASEAN TVET English Programme
Tarikh	6-10 September 2016
Lokasi	Politeknik Bandung, Indonesia
Penganjur	Politeknik Melaka (PMK) <i>dengan kerjasama</i> Politeknik Ibrahim Sultan <i>dan</i> Polytechnic Bandung, Indonesia

### SINOPSIS

**ASEAN TVET English Programme** diadakan untuk menasaskan pelajar yang mampu berkomunikasi dengan baik menggunakan Bahasa Inggeris. Para pelajar yang dipilih untuk program ini merupakan ahli dari Kelab Bahasa Inggeris PMK serta ahli Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Melaka dan Politeknik Ibrahim Sultan. Mereka dipilih sebagai fasilitator untuk membimbing 100 orang pelajar daripada Politeknik Bandung, Indonesia dengan harapan memberikan mereka sebanyak mungkin peluang dan ruang penggunaan Bahasa Inggeris untuk memimpin sambil berkomunikasi. Pensyarah-pensyarah daripada Politeknik Malaysia pula bertindak sebagai penasihat dan fasilitator untuk membudayakan komunikasi Bahasa Inggeris dalam bidang TVET kedua-dua institusi tersebut dan dapat mempelajari budaya kerja, pengurusan institusi TVET dan cara hidup pelajar dan masyarakat Indonesia.

### MAKLUMAT KHUSUS

#### 1. LATAR BELAKANG

*ASEAN Technical Vocasional Education and Training (TVET) English Programme* merupakan aktiviti jaringan kolaborasi pengantarabangsa akademik Malaysia-Indonesia yang telah dimulakan sejak 2014 dengan aktiviti bersama Politeknik Bengkalis (POLBENG) dan Politeknik Medan. Selari dengan hasrat memorandum persefahaman yang telah termeterai di antara Kerajaan Malaysia dan Indonesia, Politeknik Malaysia telah merangka satu program usaha sama dengan Politeknik Bandung. Program ini adalah susulan beberapa program yang telah dijalankan sebelum ini yang melibatkan pihak Indonesia. Antaranya adalah Kursus Bahasa Inggeris untuk pelajar Politeknik Bengkalis 2014(di POLBENG), English Enhancement Camp 2016(di Melaka), aktiviti CSR produk inovasi 'What Say You' di Politeknik Bengkalis 2015, dan Play Speak and Dream English Camp di Port Dickson bersama Politeknik Medan 2015.

**ASEAN TVET English Programme** diadakan untuk menasaskan pelajar yang mampu berkomunikasi dengan baik menggunakan Bahasa Inggeris. Pelajar yang terpilih untuk program ini merupakan ahli dari Kelab Bahasa Inggeris PMK serta ahli Majlis Perwakilan

Pelajar Politeknik Melaka dan Politeknik Ibrahim Sultan. Mereka telah berperanan sebagai fasilitator membimbing 100 orang pelajar daripada Politeknik Bandung, Indonesia tentang penggunaan Bahasa Inggeris dalam memimpin dan berkomunikasi. Pensyarah-pensyarah daripada Politeknik Malaysia pula telah bertindak sebagai penasihat dan fasilitator untuk membudayakan komunikasi Bahasa Inggeris dalam bidang TVET kedua-dua institusi tersebut.. Aktiviti pertama ialah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) iaitu *Mini English Programme* pada 6-10 September 2016 yang melibatkan 8 pelajar dan 6 pensyarah. Aktiviti kedua adalah mempromosikan produk inovasi Politeknik Melaka iaitu 'What Say You' board game.

## 2. PENCAPAIAN AKTIVITI

Impak dari program yang di jalankan adalah :


- Pelajar kita diharapkan dapat menguasai Bahasa Inggeris dengan baik
- Mempromosi TVET Malaysia khususnya Politeknik Malaysia di peringkat ASEAN
- TVET Malaysia berkeupayaannya dalam menerobos sempadan global melalui pendidikan dan latihan
- Politeknik Malaysia dapat menambah ilmu dan kemahiran serta meningkatkan citra antarabangsa warga kerja dan pelajar
- Kerjasama dan jaringan kolaborasi antarabangsa dalam bidang TVET dapat dimantapkan.

## 3. ULASAN PENILAIAN AKTIVITI




Graf 3.1 : Fasilitator

Graf 3.1 menunjukkan bahawa sebanyak 97.4 % responden mengatakan bahawa fasilitator adalah sangat membantu sepanjang aktiviti dijalankan. 96% dari responden pula mengatakan bahawa fasilitator adalah berpengetahuan tentang tugas yang dilakukan. Mereka ini juga mampu memberi arahan yang jelas. Ini dinyatakan oleh responden sebanyak 92 %.



Graf 3.2 : Aktiviti CSR yang dijalankan.

Graf 3.2 menunjukkan mengenai penilaian responden tentang aktiviti CSR yang dijalankan. Sebanyak 98.7 % responden mengatakan bahawa aktiviti yang dijalankan adalah menarik dan menggemblirakan. 96% responden bersetuju bahawa aktiviti yang dijalankan telah membantu mempertingkatkan penguasaan Bahasa Inggeris mereka. Responden juga bersetuju bahawa aktiviti yang dijalankan adalah mencabar dan memerlukan pemikiran yang lebih jitu.



Graf 3.3 : Kesononakan Aktiviti

Dapatan tentang Kesononakan Aktiviti ditunjukkan dalam Graf 3.3. Dari enam aktiviti yang dijalankan, What Say You mendapat 94.7% responden mengatakan bahawa ianya adalah menyeronokkan. Aktiviti yang kedua tertinggi yang dipilih oleh responden adalah Hop Scotch iaitu sebanyak 90.7%, dan peratus yang terendah yang dipilih oleh responden adalah aktiviti Tongue Twister iaitu sebanyak 74.7%.

Dari dapatan yang diperolehi dari responden menunjukkan bahawa para responden begitu teruja dan berminat dengan aktiviti yang dijalankan dan mereka berminat untuk menjadikannya aktiviti tahunan.

#### 4. Senarai aktiviti lain yang melibatkan pengantarabngsaan

BIL	NEGARA & TEMPAT	PROJEK	INSTITUT/ AGENSI TERLIBAT	BIL PELAJAR TERLIBAT	BIL PENSYARAH TERLIBAT	TARIKH
1.	Champasack, Lao Pdr	Yss-Asean Students Voluteer To Champasack Lao Pdr	Champasack University Lao Pdr	1	-	26 March 2016 – 12 April 2016
2.	Phnom Penh dan Kampong Chhnang Kemboja.	Mycorps Cambodia Mission:1	Step(Solution To End Poverty) Dan Rwc ( Rainwater Cambodia)	1	-	April- Julai 2016
3.	Bengkalis, Indonesia	Latihan Praktikal Pelajar Politeknik Negeri Bengkalis(POLBENG)	Politeknik Melaka	-	6	18 Julai -12 Ogos 2016
4.	Seoul, Korea	Pertandingan Korea Creative Invention Contest (Cic 2016)	POLITEKNIK MELAKA	-	2	11 Ogos 2016
5.	Politeknik Melaka	English Camp	Politeknik Negeri Bengkalis	5	2	20 Ogos 2016
6.	Bandung, Indonesia	Program CSR ASEAN TVET English Programme	Politeknik Negeri Bandung,Indonesia	4	4	7 September 2016

#### 5. GAMBAR AKTIVITI (Lampiran)

Sila rujuk lampiran

#### 6. PENUTUP

Program kolaborasi pengantarabngsaan di antara Politeknik Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dengan Politeknik Bandung, Indonesia yang melibatkan pegawai, tenaga pengajar dan pelajar daripada 2 buah Politeknik Malaysia ini berjaya dilaksanakan di luar negara. Pelajar-pelajar Politeknik Malaysia berjaya memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang berharga semasa berada di luar persekitaran domestik; yang sedikit sebanyak akan membantu mereka ke arah menjadi pelajar cemerlang akademik dan berakhlak tinggi seterusnya dapat membina jati diri graduan yang berdaya saing di pasaran global di samping dapat menaikkan imej Politeknik Malaysia di rantau ASEAN.

Disediakan oleh,

Khairani binti Yaakub  
Unit Pengantarabngsaan PMK.

Lampiran :

### Aktiviti CSR English Program di Politeknik Negeri Bandung(POLBAN)



Majlis Pembukaan

Aktiviti bersama siswa siswi POLBAN



Persediaan debat

Debat persahabatan



## English Camp bersama Politeknik Negeri Bengkalis(POLBENG)



Aktiviti Explore race dan stationgames bersama pelajar PMK dan POLBENG

5 orang Pelajar Politeknik Negeri Bengkalis(POLBENG) menjalankan latihan industri di PMK selama 1 bulan



Pertandingan produk inovasi 'What Say You' di Korea Creative Invention Contest, Seoul – Mendapat Pingat Emas

